

Headline	Tarif baharu elektrik bermula 1 Januari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	11	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	441 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,388



Peningkatan 14.89% di Semenanjung, naik 16.9% di Sabah, Labuan

Tarif baharu elektrik bermula 1 Januari

Oleh KAMIL MASLIH

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Berkuat kuasa 1 Januari 2014, kadar purata tarif elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj atau peningkatan sebanyak 14.89 peratus daripada kadar purata semasa 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWj.

Bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, kadar purata tarif elektrik akan dinaikkan sebanyak 5.00 sen/kWj (peningkatan sebanyak 16.9 peratus) daripada kadar semasa iaitu 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen.

Tarif elektrik baharu bagi semenanjung, Sabah dan Labuan itu diumumkan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili di bangunan Parlimen hari ini.

Menurut Maximus, bagi Semenanjung, tarif baharu itu akan menyaksikan penyelarasan tarif elektrik mengikut kategori pengguna iaitu:

- Purata tarif domestik akan dinaikkan daripada 28.63 sen/kWj kepada 31.66 sen/kWj, iaitu penyelarasan sebanyak 1.21 sen/kWj (3.03 peratus)

- Purata tarif komersial akan dinaikkan daripada 41.01 sen/kWj kepada 47.92 sen/kWj iaitu penyelarasan sebanyak 6.91 sen/kWj (16.85 peratus)

- Purata tarif industri pula dinaikkan daripada 30.94 sen/kWj kepada 36.15 sen/kWj iaitu penyelarasan sebanyak 5.21 sen/kWj (16.85 peratus)

Jelas Maximus, selaras dengan da-

sar melindungi kebajikan pengguna domestik berpendapatan rendah, tiada kenaikan tarif terhadap pengguna 300kWj/ sebulan ke bawah.

“Kerajaan akan terus membantu dengan memberikan rebat kepada pengguna-pengguna yang bil elektrik berjumlah RM20 dan ke bawah,” katanya.

Beliau turut memaklumkan peruntukan subsidi khusus itu adalah sebanyak RM2.4 bilion setahun di Semenanjung dan RM155 juta setahun di Sabah serta Labuan.

Menurutnya, sebanyak 70.67 peratus atau 4.56 juta pengguna daripada 6.45 juta pengguna domestik di Semenanjung dan 62 peratus atau 260,000 pengguna daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Labuan yang menggunakan elektrik pada kadar 300 kWj ke bawah, tidak akan terjejas.

Maximus memberitahu, program merasionalisasikan subsidi menerusi semakan semula tarif elektrik itu menjimatkan beban kerajaan sebanyak RM4 bilion setahun dalam bentuk pembelian gas daripada Petronas untuk penjanaan kuasa.

“Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara dan ke arah penetapan harga gas berdasarkan mekanisme harga pasaran, usaha rasionalisasi subsidi merupakan langkah yang perlu dilakukan kerajaan.

“Di samping itu, kerajaan juga perlu memastikan syarikat-syarikat utiliti mampu menampung peningkatan kos pembekalan elektrik dan

mempertingkatkan pelaburan bagi menyediakan infrastruktur dan operasi pembekalan elektrik yang lebih baik,” katanya.

Katanya, biarpun tarif baharu dilaksanakan, kerajaan tetap menanggung jumlah subsidi pelepasan hasil perolehan gas asli sebanyak RM14 bilion setahun di Semenanjung dan RM570 juta di Sabah dan Wilayah Persekutuan.

Menurut Maximus, bagi mempertingkatkan sumbangan Tenaga Bohleh Baharu, kadar kutipan Kumpulan Wang Tenaga Bohleh Baharu akan dinaikkan daripada 1 peratus kepada 1.6 peratus berkuatkuasa 1 Januari 2014 di Semenanjung dan akan turut diperluas ke Sabah dan Labuan.

Dalam pada itu, jelasnya, kadar tarif elektrik Sabah Electricity Sdn. Bhd. yang rendah sebelum ini menjadi faktor penghalang kepada usaha untuk mempertingkatkan tahap kualiti pembekalan elektrik di Sabah.

Katanya, serentak dengan semakan semula tarif di Sabah dan Labuan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM1.812 bilion bagi projek-projek pengukuhan infrastruktur baharu yang kritikal bagi 2014 hingga 2016 termasuk Projek Talian Penghantaran Southern Link.

“Kerajaan juga sebelum ini telah memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM230.6 juta bagi tempoh 2013-2014 untuk pembiayaan projek-projek pengurangan System Average Interruption Duration Index (SAIDI) di seluruh Sabah,” katanya.

Headline	Tarif baharu elektrik bermula 1 Januari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	11	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	441 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,388

INFO

EMPAT KOMPONEN TERLIBAT DALAM KENAikan TARAF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG:

- Kesan penyelarasan harga gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu ke atas tarif elektrik adalah sebanyak 1.52 peratus atau 0.51 sen/kWj
- Kesan penetapan harga gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga RM41.68/MMBtu ke atas tarif elektrik adalah sebanyak 10.17 peratus atau 3.41 sen/kWj
- Kesan penyelarasan harga arang batu daripada AS\$85/metrikk tan kepada AS\$87.5/metrikk tan ke atas tarif elektrik adalah sebanyak 0.51 peratus atau 0.17 sen/kWj
- Semakan tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu kenaikan sebanyak 2.69 peratus atau 0.90 sen/kWj daripada kadar purata tarif semasa. Tarif asas tenaga ini akan dikawal selia melalui mekanisme Incentive-Based Regulation oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).



MAXIMUS Ongkili pada sidang akhbar pengumuman semakan semula tarif elektrik di Semenanjung, Sabah dan Labuan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Pengurus TNB, Tan Sri Leo Moggie (kanan).